

18 APR 2001

Parlimen-Belia

PEMIMPIN KERAJAAN TIDAK PERNAH SANGKAL KEPENTINGAN PENDIDIKAN AGAMA

KUALA LUMPUR, 18 April (Bernama) -- Pemimpin kerajaan tidak pernah menyangkal kepentingan pendidikan agama ke atas pembentukan moral seseorang terutamanya golongan belia, kata Timbalan Menteri Belia dan Sukan Datuk Ong Tee Keat hari ini.

"Akan tetapi kita perlu ingat bahawa di negara ini, masyarakatnya majmuk. Jadi bila kita nak anjur sesuatu program yang bersifat keagamaan walaupun untuk menyatukan belia, kita perlu ambil kira faktor kepelbagaian agama dan kaum yang ada," katanya ketika menjawab soalan tambahan Datuk Dr Hassan Mohamad Ali (Pas-Parit Buntar) di Dewan Rakyat.

Hassan dalam pertanyaannya mendakwa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai mengamalkan pendekatan yang mengetepikan kepentingan pendidikan agama dalam institusi pendidikan negara.

Hassan juga berkata pendekatan itu antara lain telah menjadi punca kepada peningkatan masalah sosial di kalangan belia negara.

Ong berkata usaha untuk menganjurkan program bagi mengurangkan masalah sosial di kalangan belia bukan semata-mata terletak di bahu kerajaan dan kementerian sahaja.

"Kita hanya boleh berusaha tetapi Tuhan yang menentukan segalanya, takkan itupun Yang Berhormat tak tahu," katanya.

Terdahulu, ketika menjawab soalan asal Datuk Dr Yusof Yacob (BN-Sipitang) mengenai kerosakan akhlak belia dan beliawanis negara, Ong berkata kementerian sentiasa memantau masalah sosial yang berlaku di kalangan generasi muda negara ini.

Menyedari bahawa masalah itu tidak dapat diramal, beliau berkata apa yang boleh dilakukan ialah dengan mengadakan kaji selidik bagi mengenalpasti punca belia suka membuang masa tanpa tujuan yang memungkinkan mereka terlibat dalam aktiviti negatif dan cadangan yang proaktif untuk membendunginya.

"Selain itu, kementerian juga sentiasa mendapatkan maklumat balas dan input daripada pertubuhan belia sendiri mengenai kesesuaian program dan cadangan bagaimana ia boleh dipertingkatkan untuk memenuhi keperluan semasa," katanya.

-- BERNAMA

NHA HS AKD